

Patuhi syarat kebersihan, operasi

Penganjur bazar Ramadan 2017 di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) perlu mematuhi segala syarat ditetapkan terutama aspek kebersihan dan waktu dibenarkan berniaga.

Yang Dipertua MPK Datuk Fadzilla Salleh berkata, pihak berkuasa tempa tan (PBT) itu tidak mahu penganjur bazar mengabaikan aspek kebersihan dan beroperasi awal sebelum jam 3 petang.

Katanya, sehubungan itu penganjur yang mendapat permit tahun ini diharap lebih peka dan turut sama memastikan peraturan serta syarat dipatuhi untuk

kelancaran sepanjang bulan mulia ini.

“Dalam pada itu, MPK tidak mahu sebarang pertukaran hak milik atau pemilik asal memberi sewa kepada individu lain semata-mata mencari keuntungan dengan jalan mudah.

“Bermula 1 Ramadan ini pegawai penguatkuasa akan melakukan pemantauan bagi memastikan kes penukaran permit tidak berlaku,” katanya sempena majlis taklimat dan penyerahan permit perniagaan Bazar Ramad 2017 di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, di sini, semalam.